

SIRI TERBITAN BIRO AGAMA  
(BAHAGIAN PENDIDIKAN)  
No.2/2003/1424

---

*AZAN DAN*  
*IQAMAHAH*  
HUKUM  
DAN  
ATURANNYA

Oleh  
**Haji Mohd Aizam bin Haji Mas'od**  
B.A. (Usuluddin, Jordan)  
(Imam I)

MASJID JAMIK SULTAN ABDUL AZIZ  
JALAN TEMPLER, 46000 PETALING JAYA,  
SELANGOR D.E.

*Azan dan Iqamah*

**AZAN  
DAN  
IQAMAH**

**Petaling Jaya, Selangor**

Terbitan Biro Agama (Bahagian Pendidikan)  
Cetakan pertama,  
2003

ISBN: 983-41404-0-1  
setting dibuat di Masjid Jamik Sultan Abdul Aziz,  
Jalan Templer, 46000 Petaling Jaya,  
Selangor Darul Ehsan.

Pemikiran dan idea yang tersaji dalam buku ini adalah  
milik pengarang sendiri  
dan ia bukannya lidah rasmi Masjid.  
©Mohd Aizam bin Mas'od

©Hak cipta terpelihara

Tidak ada mana-mana bahagian daripada buku ini  
yang boleh dicetak semula atau diterbitkan dalam apa  
jua kaedah dan tekniknya tanpa terlebih dahulu  
mendapat persetujuan bertulis daripada pengarang  
dan penerbit.

## ISI KANDUNGAN

<u>TAJUK</u>	<u>HALAMAN</u>
Kata-kata Aluan	6
Pengenalan	9
Sejarah Azan dan Iqamah	9
Lafaz-lafaz Azan dan Iqamah	12
Tarji'	15
Tatswib dalam Azan Subuh	16
Azan dan Iqamah kerana Sembahyang	17
Syarat-syarat Azan dan Iqamah	18
Azan Sekali Sahaja?	22
Azan atau Iqamah Sahaja?	24
Bila Azan dan Iqamah Tak Perlu	25
Tiada Azan bagi Sembahyang Jenazah	26
Kegunaan Lain Azan dan Iqamah	27
Dahulukan Doa Wuduk dari Doa Azan	29
Kesimpulan	30

## KATA-KATA ALUAN

*Saya suka mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahni'ah kepada Tuan Haji Mohd Aizam bin Haji Mas'od, Imam I Masjid ini, yang berusaha menerbitkan tulisan ini. Huraian yang disajikan ini, walaupun ringkas, adalah amat menarik justeru dapat membuka minda kita untuk memahami pelbagai jenis hukum dan peraturan azan dan iqamah, iaitu suatu amalan yang selama ini sering kita lihat bilal (atau pembantunya) melakukannya, tetapi kita sendiri kurang peka tentang kelebihan dan fadilatnya. Kerana itu kelahiran buku ini diharap dapat membantu kita meningkatkan pengetahuan mengenai hukum-hakam azan dan iqamah lantas dapat kita memberi perhatian yang sewajarnya kepadanya jika dengar ia dilaungkan sama ada kerana telah masuk waktu solat fardhu (bagi azan) atau memulai solat (bagi iqamah).*

*Satu perkara yang wajar ditanya berkaitan dengan azan dan/atau iqamah ini ialah apakah yang harus kita buat (sebagai orang yang mendengar) apabila azan dilaungkan? Guru-guru agama kita dulu mengingatkan jika kita mahu dapatkan fadilatnya kita disunnatkan menjawab setiap sebutan azan yang dilaungkan itu dengan ucapan yang sama, melainkan pada lafaz "haiya 'a las solah" dan "haiya 'a lal falah" hendaklah kita jawab dengan ucapan "la haula wala quata illa billah." Ertinya, kita hendaklah dengar laungan azan itu dengan khusyuk dan ikuti setiap sebutan dengan tawaduk. Tidak bercakap-cakap dan tidak berbual-bual. Tukang azan, yakni tok bilal, pula mempunyai banyak kelebihan. Misalnya terdapat hadis yang mengatakan bahawa sesiapa yang azan kerana sembahyang selama tujuh tahun sambil dia harapkan pahalanya nescaya ditulis oleh Allah S.W.T. terlepas ia daripada api*

*Azan dan Iqamah*

*neraka. Ada juga hadis lain yang menyebut bahawa sesiapa yang azan selama dua belas tahun maka ia masuk syurga. Mudah-mudahan kita sentiasa dalam peliharaannya jua.*

**Mohd Hairi Abdullah**

Nazir

10 Ogos 2003

وَلِلَّهِ مَا فِي السَّمَاوَاتِ وَمَا فِي الْأَرْضِ  
وَكَانَ اللَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُّحِيطًا ﴿١٢٦﴾

“Dan bagi Allah jualah segala yang ada di langit dan segala yang ada di bumi, dan Allah sentiasa meliputi (pengetahuan-Nya dan kekuasaan-Nya) akan tiap-tiap sesuatu”

An-Nisa':126

## PENGENALAN

Dari segi bahasa Arab kalimah "azan" bermakna *al i'lam* iaitu pemberitahuan (*Lisan al-Arab*: 13/9). Jika dilihat dari segi syara' pula ia bermakna zikir yang ditentukan waktunya; dan dalam kes ini ia adalah untuk memberitahu bahawa telah masuk waktu sembahyang fardhu. Allah berfirman (maksudnya):

*dan inilah perisytiharan dari Allah dan RasulNya kepada ummat manusia, (diisytiharkan) pada Hari Raya Haji yang terbesar, bahawa sesungguhnya Allah dan RasulNya memutuskan tanggungjawab terhadap orang-orang musyrik (at-Taubah: 3).*

Menurut kamus *Lisan al-Arab* kalimah "iqamah" merupakan *mashdar* kepada kalimah *aqama* iaitu mendirikan (*Lisan al-'Arab*: 12/498). Oleh itu dari segi syara' ia bererti zikir yang ditentukan untuk mendirikan sembahyang (*Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj*: 1/460).

Buku kecil ini akan membincangkan secara ringkas maksud *azan* dan *iqamah*, serta hukum dan peraturannya, di kalangan ummah Islam. Mudah-mudahan perbincangan ini akan memberi faedah kepada kita semua.

## SEJARAH AZAN DAN IQAMAH

Pada mulanya *azan* dan *iqamah* telah disyariatkan di Madinah mulai tahun pertama hijrah (*Al-Mausu'ah al-Fiqhiyyah*: 2/358). Ini dapat difahami daripada hadis yang dipetik daripada 'Abdullah bin 'Umar, katanya



(yang bermaksud):

*Semasa orang-orang Islam sampai di Madinah, mereka berkumpul lalu memperkirakan waktu sembahyang dan tidak ada seorang pun yang menyerukan untuk sembahyang. Pada suatu hari mereka pun membincangkan hal itu.*

*Berkata sebahagian mereka: Ambillah naqus (loceng) seperti naqus orang-orang Nasrani (Kristian).*

*Berkata sebahagian yang lain pula: (Ambillah) trompet seperti trompet orang-orang Yahudi.*

*Lalu berkata 'Umar: Tidakkah kamu melantik seorang lelaki untuk menyerukan sembahyang?*

*Bersabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam: Wahai Bilal, berdirilah dan serulah untuk sembahyang. (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim)*

Dalam hadis yang lain daripada 'Abdullah bin Zaid katanya (yang bermaksud):

*Ketika Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam memerintahkan untuk menggunakan naqus (loceng) untuk dipalu bagi mengumpulkan orang ramai untuk mendirikan sembahyang jemaah, dalam tidurku (mimpi) seorang lelaki berjalan mengelilingiku sedang membawa di tangannya naqus. Lalu aku berkata: Wahai hamba Allah, adakah kamu jual naqus itu?*

*Dia berkata: Apa yang akan engkau buat dengannya (naqus)?*

*Aku berkata: Dengan naqus itu kami menyeru kepada sem-*

*bahyang.*

*Dia berkata: Mahukah kamu aku tunjukkan yang lebih baik dari itu?*

*Aku berkata: Ya.*

*Berkata periwayat (orang yang mimpi): Dia (lelaki yang dimimpikan) berkata: Engkau ucapkan: Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, marilah mendirikan sembahyang, marilah mendirikan sembahyang, marilah menuju kemenangan, marilah menuju kemenangan, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah.*

*('Abdullah bin Zaid) berkata: Kemudian lelaki itu berundur sedikit.*

**Lalu lelaki itu berkata:** *Jika engkau menyerukan iqamah sembahyang engkau ucapkan: Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, marilah mendirikan sembahyang, marilah menuju kemenangan, sesungguhnya sembahyang telah didirikan, sesungguhnya sembahyang telah didirikan, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah.*

*Pada pagi esoknya aku datang kepada Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam memberitahu mengenai dengan mimpiku itu.*

**Baginda bersabda:** *Sesungguhnya mimpimu itu benar insya Allah, berdirilah engkau bersama Bilal dan ajarkan padanya apa yang engkau mimpikan itu. Hendaklah Bilal azan dengan apa yang diajarkan kepadanya itu, kerana suaranya lebih bagus dan tinggi daripada engkau. Maka aku berdiri bersama Bilal lalu aku ajarkan dia dan dia azan dengan apa yang aku ajarkan itu.*

*('Abdullah bin Zaid) berkata: Maka terdengarlah azan itu oleh 'Umar bin al-Khattab, sedang dia dirumahnya. Lalu dia keluar dengan bergegas menyeret selendang di belakangnya dan berkata: Demi yang telah mengutusmu dengan benar wahai Rasulullah, sesungguhnya aku bermimpi seperti mana yang telah dimimpikan olehnya (Àbdullah bin Zaid).*

*Bersabda Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam: Segala puji bagi Allah (Hadis riwayat Abu Daud).*

## LAFAZ-LAFAZ AZAN DAN IQAMAH

Menurut al-Qadhi 'Iyadh, kalimah-kalimah *azan* itu mencakupi aqidah keimanan, baik dari segi *'aqliat* dan *sam'iyat*. Dimulai dengan mensabitkan zat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* dan apa yang berhak bagiNya daripada sifat kesempurnaan, iaitu **الله أكبر** bererti Allah Maha Besar daripada setiap sesuatu. Kemudian pengakuan terhadap keesaan Allah dan pengakuan ter-

hadap kerasulan Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasalam*, iaitu **أشهد أن لا إله إلا الله** dan **أشهد أن محمدا رسول الله**. Kemudian diikuti dengan mengajak kepada sembahyang dan kejayaan, iaitu **حي على الصلاة** bererti dekatilah oleh kamu sembahyang dan janganlah malas. **حي على الفلاح** bererti dekatilah oleh kamu akan sebab kemenangan iaitu sembahyang untuk mengecapi nikmat yang berkekalan. Di dalam seruan itu juga terdapat unsur-unsur pemberitahuan mengenai perkara-perkara hari akhirat, iaitu hari kebangkitan dan pembalasan. Kemudian ia diulangi lagi selepas itu dengan takbir dan disudahi dengan kalimah tauhid. (*I'ana ath-Thalibin: 1/367, al-Majmu': 3/81*)

Sebagaimana yang kita sudah maklum *azan* itu mempunyai sembilan belas ungkapan termasuk dengan *tarji'* (dan jika tidak termasuk dengan *tarji'* menjadilah ia lima belas ungkapan) seperti berikut:

1. **الله أكبر**  
(Allah Maha Besar) - empat kali,
2. **أشهد أن لا إله إلا الله**  
(Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah) - dua kali.
3. **أشهد أن محمدا رسول الله**  
(Saya mengaku bahawa Muhammad pesuruh Allah) - dua kali.
4. **حي على الصلاة**

(Marilah mendirikan sembahyang) - dua kali.

5. **حي على الفلاح**

(Marilah menuju kemenangan) - dua kali.

6. **الله أكبر**

(Allah Maha Besar) - dua kali.

7. **لا إله إلا الله**

(Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah) - sekali.

*Iqamah* pula mengandungi sebelas ungkapan seperti berikut:

1. **الله أكبر** - dua kali.

2. **أشهد أن لا إله إلا الله** - sekali.

3. **أشهد أن محمدا رسول الله** - sekali.

4. **حي على الصلاة** - sekali.

5. **حي على الفلاح** - sekali.

6. **قد قامت الصلاة** - dua kali.

7. اللهُ أَكْبَرُ - dua kali.
8. لَا إِلَهَ إِلَّا اللهُ - sekali (Al-Majmu': 3/98-101).

## TARJI'

Apa yang dimaksudkan dengan *tarji'* itu ialah melafazkan dua kalimah syahadah sebanyak dua kali dengan suara yang rendah sekira-kira didengar oleh orang yang berhampiran dengannya. *Tarji'* itu dilafaz sebelum menyerukan dua kalimah syahadah dengan suara yang nyaring. Hukum melafazkan *tarji'* itu adalah sunat dan *azan* itu tetap sah walaupun ia tidak dilafazkan di dalam *azan* (*I'anaḥ ath-Thalibin*: 1/379). Ini adalah mengikut ajaran Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* ketika ditanya oleh Abu Mahdzurah mengenai *azan*. Maksudnya:

*Saya berkata: Wahai Rasulullah! Ajarkan aku cara-cara azan. Kata (Abu Mahdzurah): Maka Baginda menyapu ubun-ubun kepalaku.*

*Baginda bersabda: Kamu ucapkan: Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, dengan suaramu yang tinggi.*

*Kemudian kamu ucapkan: Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, dengan suaramu yang rendah.*

*Kemudian tinggikan suaramu ketika menyerukan syahadah: Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu pesuruh Allah, marilah mendirikan sembahyang, marilah mendirikan sembahyang, marilah menuju kemenangan, marilah menuju kemenangan.*

*Jika azan sembahyang subuh, awak ucapkan: Sembahyang itu lebih baik daripada tidur, sembahyang itu lebih baik daripada tidur, Allah Maha Besar, Allah Maha Besar, tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah (Hadis riwayat Abu Daud).*

## **TATSWIB DALAM AZAN SUBUH**

*Tatswib* ialah menyerukan (الصلاة خير من النوم) | sebanyak dua kali selepas kita menyerukan bacaan *hai'alatan* *حي على الصلاة* dan *حي على الفلاح*

*Tatswib* ini sunat dilafazkan ketika kedua-dua *azan* subuh sahaja (iaitu sebelum dan ketika masuknya fajar) - berlainan dengan amalan orang-orang Makkah sebagaimana penjelasannya akan datang dan makruh jika dilafazkan *tatswib* itu pada selain waktu subuh. Sebagaimana disebutkan dalam hadis Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* bersabda yang maksudnya seperti berikut:

*Barangsiapa yang mengada-adakan perkara baru (bid'ah) di dalam urusan agama kita ini (agama Islam) yang tidak ada*

*padanya (sandaran daripada al-Qur'an dan sunnah) maka ianya itu ditolak (bathil). (Hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).*

*Tatswib* dikhususkan pada *azan* subuh sahaja supaya ia menyedarkan orang yang tidur daripada malas mengerjakan sembahyang. Mengikut kebiasaan orang-orang Makkah *tatswib* hanya dikhususkan pada *azan* yang kedua iaitu selepas terbit fajar bagi membezakan antaranya dengan *azan* yang pertama (sebelum terbit fajar) (*Al-Majmu'*: 3/105 dan *I'annah ath-Thalibin*: 1/378-379).

## **AZAN DAN IQAMAH KERANA SEMBAHYANG**

*Azan* dan *iqamah* kerana sembahyang itu hanya disyariatkan untuk sembahyang fardhu sahaja iaitu sembahyang lima waktu.

Hukum *azan* dan *iqamah* menurut pendapat yang *ashah* adalah sunat, sunat *'ain* bagi sembahyang perseorangan dan sunat *kifayah* bagi sembahyang jemaah. Sepertimana sunat membaca *bismillah* ketika hendak makan dan ketika hendak melakukan persetubuhan, sunat *kifayah* melakukan korban bagi ahli rumah, memberi salam, mendoakan orang yang bersin dan apa yang dilakukan daripada perkara-perkara sunat terhadap mayat (*I'annah ath-Thali-bin*: 1/367).

Manakala sembahyang-sembahyang yang lain adalah tidak disunatkan *azan* dan *iqamah* sama ada sembahyang sunat yang disunatkan berjemaah seperti sembahyang *'aidilfitri*, *'aidiladha*, gerhana matahari atau



bulan dan sembahyang meminta hujan, ataupun tidak disunatkan pada sembahyang itu berjemaah seperti sembahyang dhuha dan sebagainya. Selain daripada itu *azan* dan *iqamah* juga tidak disunatkan bagi sembahyang nazar dan jenazah (*Al-Majmu'*: 3/83).

## **SYARAT-SYARAT AZAN DAN IQAMAH**

Terdapat beberapa perkara yang disyaratkan di dalam *azan* dan *iqamah*, iaitu:

### **1. Tertib.**

Hendaklah *azan* dan *iqamah* itu dilaungkan dengan mengikut susunan ungkapannya sebagaimana yang diajarkan dalam hadis-hadis Baginda *Shallallahu 'alaihi wasallam*. Jika dilaungkan *azan* dan *iqamah* itu tidak menurut tertib, maka ia boleh membawa kepada mem-permain-mainkan dan hilang dasarnya sebagai *al-l'lam* (pemberitahuan).

Adapun jika tertinggal sebahagian kalimahnyanya, maka hendaklah dia kembali kepada yang tertinggal itu dan mengulangi semula yang selepasnya. Sebagai contohnya, jika tertinggal bacaan *حي على الصلاة* sedang dia sudah melaungkan *حي على الفلاح* maka hendaklah dia melaungkan semula yang tertinggal itu *حي على الصلاة* dan mengulangi semula yang telah dilaungkannya iaitu *حي على الفلاح*. Namun jika dia mengulangi semula semuanya, itulah yang lebih baik (*Al-Majmu'*: 3/121, *I'annah ath-Thalibin*: 1/376-377 dan *Mughni al-Muhtaj*: 1/191).

## **2. Berturut-turut.**

Hendaklah ungkapan-ungkapan *azan* dan *iqamah* itu dilaungkan secara berturut-turut. Jika diselangi antara ungkapan-ungkapan *azan* atau *iqamah* itu dengan percakapan atau diam yang lama, walaupun disebabkan terlupa adalah batal *azan* atau *iqamah* tersebut kerana hilang dasarnya sebagai *al-i'lam*.

Adapun diam sekejap atau diselangi antara kalimah-kalimahnya itu dengan percakapan yang pendek, tidaklah batal *azan* atau *iqamah* tersebut. Ini kerana Nabi *Shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berkata-kata ketika Baginda berkhotbah. Oleh yang demikian berkata-kata di dalam *azan* atau *iqamah* itu lebih utama lagi dihukumkan tidak batal. Hadis tersebut ialah daripada Jabir bin 'Abdullah, katanya:

*Telah datang seorang lelaki, sedang Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam menyampaikan khutbah pada hari Jumaat, lalu Baginda bersabda: Adakah engkau sudah sembahyang wahai polan? Dia berkata: Tidak. Baginda bersabda: Bangkitlah dan kerjakan dua rakaat sembahyang (Hadis riwayat al-Bukhari).*

Mengenai dengan diam, jika berlaku diam tersebut begitu lama sehingga tidak dinamakan lagi ianya sebagai *azan* atau *iqamah*, maka yang demikian itu ia hendaklah diulang semula *azannya* dan *iqamahnya*.

Percakapan bukan kerana adanya *masalahah* (kepentingan) ketika *azan* atau *iqamah* adalah makruh hukumnya.

Jika orang yang *azan* atau *iqamah* itu bersin, maka sunat dia *bertahmid* di dalam hatinya sahaja. Dalam pada itu sunat dia melambatkan jawapan salam kepada orang yang memberi salam atau *tasymit* (doa bagi orang yang mendengar orang lain bersin) selepas dia selesai melaungkan *azan* atau *iqamah*.

Walau bagaimanapun, jika dijawabnya juga salam orang yang memberi salam atau *bertasymit* atau berkata-kata selain itu, kerana adanya *masalahah* ketika dia sedang *azan* atau *iqamah* tadi, maka tidaklah makruh atas perbuatannya itu. Dia hanya meninggalkan yang sunat. Sebaliknya jika dia ternampak orang buta yang ditakuti akan terjatuh ke dalam perigi, umpamanya, adalah wajib dia memberitahu orang buta tersebut (*Al-Majmu'*: 3/121, *Mughni al-Muhtaj*: 1/191 dan *Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj*: 1/470).

Disyaratkan juga agar tidak begitu lama jarak masa antara *iqamah* dan sembahyang yang akan dikerjakan melainkan jika jarak masa antara keduanya itu disebabkan oleh perkara-perkara yang sunat seperti imam menyuruh makmumnya untuk membetulkan saf (*I'alah ath-Thalibin*: 1/377 dan *Fath al-'Allam*: 2/114).

### **3. Melaungkan dengan suara yang nyaring.**

*Azan* dan *iqamah* untuk mendirikan sembahyang jemaah hendaklah dilaungkan dengan suara nyaring, sekurang-kurangnya didengar dengan jelas oleh seorang daripada jemaah tersebut. Ini kerana sembahyang jemaah itu sah dilakukan dengan dua orang sahaja.

Sebaliknya tidak sah jika *azan* dan *iqamah* itu

dilaungkan dengan suara perlahan sehingga tidak didengar oleh seseorang pun daripada jemaah. Ini kerana telah hilang dasarnya sebagai *al-i'lam*. Berlainan halnya dengan *tarji'* yang seharusnya diucapkan dengan suara perlahan.

Manakala *azan* dan *iqamah* bagi orang yang bersembahyang sendirian hendaklah melaungkannya dengan suara perlahan, iaitu kira-kira didengar olehnya sahaja. Ini kerana tujuan *azan* dan *iqamah* itu baginya adalah sebagai zikir sahaja bukannya untuk *al-i'lam* (*Al-Majmu'* 3/120 dan *Sabil al-Muhtadin*: 1/171-172).

#### **4. Masuk waktu sembahyang.**

*Azan* dan *iqamah* itu hendaklah dilaungkan ketika sudah masuk waktu sembahyang fardhu kecuali *azan* subuh sahaja boleh dilaungkan sebelum masuk waktunya [seperti di masjid ini *azan* subuh pertama pada jam 5.00 pagi dan *azan* subuh kedua setelah terbit fajar-editor] Adapun waktu *iqamah* itu ialah ketika hendak menunaikan sembahyang tunai atau qadha.

Menurut Imam as-Syafie *Rahimahullah* jika sebahagian ungkapan *azan* - selain *azan* subuh - dilaungkan sebelum masuk waktunya dan sebahagiannya pula sesudah masuk waktunya, maka tidak sah *azan* tersebut dan hendaklah diulang semula.

Adapun *azan* subuh itu sunat dilaungkan sebanyak dua kali, iaitu sebelum dan selepas terbit fajar. Menurut pendapat yang *ashah*, waktu harus melaungkan *azan* sebelum waktu subuh itu ialah selepas tengah malam. Hikmat *azan* sebelum subuh itu ialah untuk

menyedarkan orang yang tidur, orang yang berjunub atau berhadad supaya bersiap sedia lebih awal sebelum masuk waktu sembahyang demi mendapatkan fadhilat sembahyang pada awal waktu.

Sementara *iqamah* bagi semua waktu - subuh atau lainnya - tidak sah dilaungkan sebelum masuk waktu dan sebelum hendak menunaikan sembahyang. Jika dilaungkan *iqamah* sesudah masuk waktu sembahyang, tetapi sebelum hendak menunaikan sembahyang adalah batal *iqamah* tersebut jika lama jarak masa antara *iqamah* dan sembahyang itu adalah terlalu lama (*Al-Majmu':* 3/95-97, *Mughni al-Muhtaj:* 1/194 dan *I'alah ath-Thalibin:* 1/378).

## **AZAN SEKALI SAHAJA?**

Sebagaimana yang telah dijelaskan di atas bahawa *azan* dan *iqamah* itu sunat dilaungkan ketika hendak menunaikan sembahyang fardhu lima waktu, sama ada secara berjemaah ataupun bersendirian, sama ada sekali atau berturut-turut.

Yang dimaksudkan dengan sembahyang berturut-turut itu ialah sembahyang fardhu yang dilakukan berturut-turut seperti mendirikan sembahyang qadha yang banyak, sembahyang *jama'*, sembahyang qadha berserta sembahyang tunai yang telah pun masuk waktunya.

Dalam hal sembahyang berturut-turut ini, disunatkan *azan* sekali sahaja pada permulaan sem-

bahyang. Itu pun jika tidak lama sangat jarak masa antara satu sembahyang dengan sembahyang yang lain. Jika jarak masa antara satu sembahyang dengan sembahyang yang lain itu lama sehingga sembahyang itu tidak lagi berturut-turut, maka disunatkanlah *azan* pada setiap kali sembahyang itu. Sementara *iqamah* pula disunatkan juga pada setiap kali mendirikan sembahyang berturut-turut itu.

Jika seseorang itu mendirikan sembahyang qadha berserta sembahyang tunai secara berturut-turut, sedangkan dia melaungkan *azan* sesudah masuk waktu sembahyang tunai, maka memadai lah *azan* yang dilaungkannya di permulaan sembahyang itu, sama ada dia memulakan sembahyang tunai, kemudian baharulah sembahyang qadha ataupun sebaliknya. Akan tetapi jika dilaungkannya *azan* itu sebelum masuk waktu sembahyang tunai, maka sunat baginya *azan* sekali lagi untuk sembahyang tunai tersebut (*I'anaah ath-Thalibin*: 1/374).

Dalil bagi disyariatkan *azan* pada permulaan sembahyang berturut-turut dan *iqamah* pada setiap sembahyang yang didirikan ialah hadis yang dipetik daripada 'Abdullah bin Mas'ud, katanya:

إِنَّ الْمُشْرِكِينَ شَعَلُوا النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ عَنْ أَرْبَعِ صَلَوَاتٍ  
يَوْمَ الْخَنْدَقِ فَأَمَرَ بِإِلَاقَةِ أَذَانٍ ثُمَّ أَقَامَ فَصَلَّى الظُّهْرَ، ثُمَّ أَقَامَ فَصَلَّى  
العَصْرَ، ثُمَّ أَقَامَ فَصَلَّى الْمَغْرِبَ، ثُمَّ أَقَامَ فَصَلَّى الْعِشَاءَ

(رواه الترمذى والنسائى)

Maksudnya:

*Sesungguhnya orang-orang Musyrik telah melalaikan Nabi Shallallahu 'alaihi wasallam daripada mendirikan empat sembahyang fardhu di hari peperangan khandaq. Maka Baginda memerintahkan Bilal untuk azan, lalu dia pun azan. Kemudian iqamah lalu mendirikan sembahyang zohor, kemudian iqamah lagi lalu mendirikan sembahyang 'asar, kemudian iqamah lagi lalu mendirikan sembahyang maghrib, kemudian iqamah lagi lalu mendirikan sembahyang 'isya (Hadis riwayat at-Tirmidzi dan an-Nas'ie)*

Hadis daripada Jabir bin 'Abdullah pula katanya:

دَفَعَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى انْتَهَى إِلَى الْمُزْدَلِفَةِ  
فَصَلَّى بِهَا الْمَغْرِبَ وَالْعِشَاءَ بِأَذَانٍ وَإِقَامَتَيْنِ وَلَمْ يُصَلِّ بَيْنَهُمَا شَيْئًا  
(رواه النسائي)

Maksudnya:

*Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam telah memulakan perjalanannya sehingga sampai ke Muzdalifah. Maka di tempat itu, Baginda menjamak sembahyang maghrib dan 'isya' dengan sekali azan dan dua kali iqamah, dan Baginda tidak mendirikan sembahyang apapun antara keduanya" (Hadis riwayat an-Nasa'ie).*

## **AZAN ATAU IQAMAH SAHAJA?**

Pada setiap kali sembahyang fardhu yang hendak

didirikan adalah sunat dilaungkan *azan* dan *iqamah* sebelum mendirikan sembahyang tersebut. Akan tetapi apabila seseorang ingin membataskan antara *iqamah* atau *azan* sama ada kerana kesempitan waktu atau sebagainya, adalah lebih afdhal dia melakukan *azan* daripada *iqamah* (*I'anaah ath-Thalibin*: 1/ 372).

## **BILA AZAN DAN IQAMAH TAK PERLU**

Sembahyang jemaah yang tidak disunatkan *azan* dan *iqamah*, seperti sembahyang hari raya, tarawikh, witr pada bulan Ramadhan, gerhana bulan atau gerhana matahari dan sembahyang meminta hujan. Kita hanya disunatkan membuat seruan dengan bacaan berikut:

(الصلاة جامعة)

Ertinya: *Marilah sembahyang jemaah,*

(الصلاة الصلاة)

Ertinya: *Marilah sembahyang, marilah sembahyang,*

(الصلاة)

Ertinya: *Marilah sembahyang,*

(الصلاة رحمكم الله)

Ertinya: *Marilah sembahyang, semoga kamu dirahmati Allah" ataupun*



(هَلِّمُوا إِلَى الصَّلَاةِ)

Ertinya: *Hadirlah kamu kepada sembahyang.*

Menurut satu pandangan lain, sebagaimana disebut oleh Ibnu Hajar, adalah makruh hukumnya jika kita menyebut seruan berikut:

(حَى عَلَى الصَّلَاةِ)

Ertinya: *Marilah mendirikan sembahyang (I'anaḥ ath-Thalibin: 1/375-376).*

Jika sembahyang sunat itu adalah sembahyang yang disunatkan kita lakukannya secara berjemaah tetapi kita tidak mengerjakannya secara berjemaah, maka tidak disunatkan kita menyeru dengan seruan yang sedemikian. Ini termasuklah juga sembahyang sunat yang memang tidak disunatkan berjemaah (*Fath al-'Allam: 2/126*).

## TIADA AZAN BAGI SEMBAHYANG JENAZAH

Menurut Ibnu Hajar, bahawa sembahyang jenazah tidak disunatkan padanya seruan untuk memanggil jemaah, kerana pada kebiasaannya orang yang hendak mengerjakan sembahyang jenazah telah pun hadir.

Oleh kerana "pada kebiasaannya orang telah pun

hadir" itu adalah suatu andaian maka jika tidak ada seorang pun bersamanya atau hadir untuk mengerjakan sembahyang jenazah, atau jika adapun dianggap tidak mencukupi dan kita berhajat untuk meramaikan lagi jemaah, maka sunatlah seruan tersebut dilakukan bagi kemashlahatan si mati.

Ada juga pendapat yang lain yang mengatakan bahawa seruan itu sunat dilakukan juga walaupun telah ramai jemaah yang hadir, tetapi mereka tidak mengetahui bila waktu imam hendak mengerjakan sembahyang jenazah.

Sementara itu ada pendapat yang lain yang mengatakan bahawa sembahyang jenazah itu tidak disunatkan padanya seruan melainkan jika ada hajat. Maka serulah seperti:

(الصَّلَاةُ عَلَى مَنْ حَضَرَ مِنْ أَمْوَاتِ الْمُسْلِمِينَ)

*Marilah sembahyang ke atas mayat yang hadir daripada orang-orang mati yang Islam. (Hawasyi Tuhfah al-Muhtaj: 1/462).*

## **KEGUNAAN LAIN AZAN DAN IQAMAH**

Selain daripada *azan* itu dilaungkan untuk memberitahu ahli-ahli kariah masuknya waktu sembahyang dan seterusnya meminta mereka menunaikan sembahyang fardhu secara berjemaah, laungan *azan* juga disunatkan pada waktu-waktu tertentu seperti:

**i. Azan Untuk Orang Marah, Buruk Perangai dan Resah Gelisah**

Sunat kita mengazankan ke telinga orang yang sedang marah, atau orang (dan makhluk) yang buruk sifatnya (perangainya) sama ada daripada manusia atau binatang dan orang yang resah, kerana kita yakin bahawa seseorang yang dengar laungan *azan* akan hilang keresahan dalam jiwanya. Jika sifat-sifat buruk itu tidak hilang juga, maka ulangilah *azan* tersebut berkali-kali.

**ii. Azan Untuk Orang Yang "Kerasukan"**

Menurut as-Syanwani, daripada apa yang telah dicuba bagi membakar jin adalah dengan mengazankan di telinga orang yang kerasukan tersebut sebanyak tujuh kali, dibaca surah al-Fatihah tujuh kali, surah al-Falaq, surah an-Nas, ayat al-Kursiy, surah ath-Thariq, di akhir surah al-Hasyr bermula daripada ayat 21 hingga 24 dan dibaca surah ash-Shafat bermula daripada ayat 177 hingga 186. Menurutny lagi, jika dibaca ayat al-Kursiy sebanyak tujuh kali di atas air kemudian dipercikan ke muka orang yang diganggu jin, maka ia juga boleh menyembuhkannya.

**iii. Azan Apabila Kebakaran Dan *Taghawwul al-ghilan***

Disunatkan juga kita *azan* ketika menghadapi musibah seperti kebakaran atau ketika *taghawwul al-ghilan* (melihat lembaga yang menyerupai jin dan syaitan dengan bermacam-macam rupa).

**iv. Azan Dan Iqamah Untuk Kanak-Kanak Baru Lahir**

Sunat juga kita melaungkan *azan* dan *iqamah* ke atas bayi yang baru lahir, iaitu *azan* di telinga kanan dan *iqamah* di telinga kirinya. Adalah dipercayai bahawa dengan *azan* dan *iqamah* itu bayi tersebut tidak akan diganggu oleh *ummu ash-shibyan* (daripada jin).

**v. Azan Dan Iqamah Untuk Orang Yang Hendak Musafir**

Demikian juga disunatkan kita melaungkan *azan* dan *iqamah* ketika ada di antara ahli kariah kita yang hendak musafir, seperti hendak ke Makkah untuk menunaikan fardhu haji. Akan tetapi jika musafir mereka itu bertujuan untuk maksiat, maka tidak disunatkan *azan* dan *iqamah*.

Juga kita tidak disunatkan *azan* ketika menurunkan mayat ke kubur. Menurut Ibnu Hajar, jika sekiranya bertepatan waktu menurunkan mayat ke kubur itu dengan waktu *azan* sembahyang dikumandangkan, nescaya akan ringanlah soalan kubur ke atas mayat tersebut (*I' anah ath-Thalibin*: 1/370).

**DAHULUKAN DOA WUDHU' DARI DOA AZAN**

Menurut fatwa al-Balqini, sesiapa yang selesai berwudhu sedangkan *azan* yang dilaungkan itu pun selesai serentak, maka hendaklah dia membaca terlebih dahulu doa wudhu kerana ia suatu ibadat. Kemudian baharulah membaca doa *azan*. Menurutny lagi, adalah

lebih baik dibaca terlebih dahulu dua syahadah wudhu, iaitu:

( أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ )

Ertinya:

*Saya mengaku bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah, TunggalNya dan tidak ada yang menyekutuiNya dan saya mengaku bahawa Nabi Muhammad itu adalah hamba dan RasulNya.*

Kemudian diikuti dengan doa *azan* kerana di dalam doa *azan* terkandung doa ke atas Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* iaitu "*al-wasilah*". Selepas itu, baharulah dibaca doa bagi diri sendiri iaitu doa yang terkandung dalam doa selepas wudhu:

( اللَّهُمَّ اجْعَلْنِي مِنَ التَّوَّابِينَ وَاجْعَلْنِي مِنَ الْمُتَطَهِّرِينَ وَاجْعَلْنِي مِنْ عِبَادِكَ الصَّالِحِينَ )

Ertinya:

*Ya Allah, jadikanlah aku daripada kalangan orang-orang yang bertaubat, dan jadikanlah aku daripada kalangan orang-orang yang suci dan jadikanlah aku daripada kalangan hamba-hambaMu yang soleh. (I' anah ath-Thalibin: 1/389).*

## KESIMPULAN

*Azan* melambangkan syiar ummat Islam yang dilaungkan untuk memberi peringatan kepada ahli-ahli kariah supaya mengerjakan sembahyang secara berje-maah, iaitu suatu tanda di mana umat Islam diminta bersatu padu mengukuhkan silatul rahim dan tali per-

saudaran. Jika sembahyang bersendirian ia merupakan suatu zikir sahaja.

Di samping banyaknya ganjaran dan fadhilat dalam *azan* dan *iqamah* itu, *azan* berfungsi juga untuk mengubati orang yang dilanda "kerasukan" justeru dalam keadaan resah gelisah, menghindarkan daripada kejahatan jin, meredakan orang marah, dan mengelokkan perangai buruk seseorang, hatta ia juga amat berguna untuk orang yang hendak belayar. *Azan* dan *iqamah* ke atas bayi yang baru lahir juga sudah dimaklumi umum akan fadilatnya.

أَرْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكَ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً ﴿٢٨﴾  
فَادْخُلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَأَدْخُلِي جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

“Kembalilah kepada Tuhanmu dalam keadaan redha dan diredhai. Masuklah dalam (golongan) hamba-hambaKu (yang soleh). Dan masuklah ke dalam syurgaKu!”

Al-Fajr:28-30